

HITLERISM, ANTI-SEMITISME DAN INTERPRETASI HOLOCAUST

HITLERISM, ANTI-SEMITISM AND INTERPRETATION OF THE HOLOCAUST

Low Choo Chin*
Universiti Sains Malaysia (USM)

Abstrak

Artikel ini mengkaji asal-usul peristiwa Holocaust dengan menganalisis dua interpretasi utama: “intentionalisme” dan “functionalisme”. Sejarawan belum mencapai konsensus mengenai interpretasi Holocaust sama ada faktor ideologi anti-Semitisme memadai dalam menjelaskan sebab-sebab berlakunya peristiwa Holocaust. Aliran “intentionalisme” atau “Hitlerisme” menekankan motif dan ideologi Hitler sebagai faktor utama Holocaust. Bagi sejawawan yang menyokong aliran “functionalisme”, faktor ideologi semata-mata tidak mengambil kira aspek proses dan struktur. Kedua-dua interpretasi tradisional tersebut tidak semestinya saling bercanggah kerana sejarawan telah mensintesiskan unsur kedua-dua aliran pemikiran tersebut untuk menghasilkan kerangka interpretasi yang baru; “moderate intentionalism” dan “moderate functionalism”. Pendirian sederhana yang ditonjolkan dalam “moderate intentionalism” dan “moderate functionalism” menyediakan satu asas yang lebih seimbang dan komprehensif bagi mengkaji peristiwa Holocaust kerana kedua-duanya mengambil kira unsur motif, proses, ideologi, dan konteks dalam menganalisis peristiwa bersejarah tersebut.

Kata kunci: Holocaust, Intentionalisme, Functionalisme, Hitlerisme, anti-Semitisme

Abstract

This article examines the origins of the Holocaust by analysing two main interpretations: “intentionalism” and “functionalism”. Historians have not reached a consensus on the interpretations of the Holocaust as to whether the anti-Semitism ideology are sufficient in explaining the causes of the Holocaust. “Intentionalism” or “Hitlerism” highlights the motive and ideology of Hitler as the main factors of the Holocaust. For functionalists, ideological factors alone may have overlooked the importance of process and structure. Both the traditional interpretations may not necessarily be contradictory as historians have synthesised the elements of both schools of thought to produce new interpretative frameworks; “moderate intentionalism” and “moderate functionalism”. The middle position reflected in “moderate intentionalism” and “moderate functionalism” provides a balance and comprehensive basis for the study of the Holocaust as they considered the elements of motive, process, ideology and context in analysing the historical event.

Keywords: Holocaust, Intentionalism, Functionalism, Hitlerism, anti-Semitism

Pengenalan

Peristiwa Holocaust merupakan peristiwa yang unik dalam sejarah Jerman. Matlamat parti Nazi untuk penghapusan orang Yahudi menjadikan Holocaust unik berbanding dengan peristiwa pembunuhan beramai-ramai yang lain. Daripada segi motif, keunikan Holocaust terletak pada rancangan penghapusan menyeluruh satu kumpulan kaum yang dimotivasikan oleh ideologi quasi-agama. Keunikan Holocaust juga terletak pada cara pelaksanaannya yang melibatkan seluruh struktur jentera perundangan dan pentadbiran kerajaan. Kerajaan Jerman mengadaptasikan apparatus birokratik dan teknologi yang meluas untuk melaksanakan Holocaust. Pembunuhan di kem-kem di Auschwitz merupakan kali pertama di mana apparatus birokrasi dan teknikal negara Jerman diutilisasikan sepenuhnya untuk tujuan penghapusan kaum.¹ Saiz dan ruang lingkup kemusnahan adalah dalam jumlah yang besar berbanding dengan peristiwa pembunuhan beramai-ramai yang lain. Skop pembunuhan beramai-ramai dan skalanya belum pernah terjadi sebelumnya.²

Menurut Ian Kershaw, tidak terdapat konsensus ilmiah mengenai faktor tunggal yang membawa kepada “Penyelesaian Terakhir” (the Final Solution).³ Sejarawan masih memperdebatkan asal-usul dan pengertian Holocaust. Adakah pembunuhan orang Yahudi Eropah sebahagian daripada pelan parti Nazi atau adakah ia hasil daripada keadaan tertentu akibat daripada Perang Dunia Kedua? Adakah Holocaust berakar-umbi dari ideologi yang tidak rasional ataupun disebabkan oleh faktor sosio-ekonomi yang rasional? Adakah persoalan anti-semitisme memadai untuk menerangkan asal-usul Holocaust.⁴ Dalam historiografi Holocaust, terdapat dua interpretasi utama iaitu ideologi-intentionalists dan structural-functionalists. Perdebatan antara intentionalists dan functionalists adalah berkaitan dengan persoalan sama ada peranan individu atau faktor keadaan lebih penting dalam menjelaskan Holocaust. Intentionalists telah mengkonseptualisasikan asal usul Holocaust sebagai hasil daripada polisi perkauman Hitler, sementara functionalists menganalisisnya dari perspektif yang lebih luas dengan mengambil faktor keadaan. Penekanan kepada faktor keadaan membawa implikasi penting kerana ia meluaskan tanggungjawab kolektif Holocaust, meluaskan skop Holocaust untuk meliputi orang bukan-Aryan dan juga meliputi mereka di luar negara Jerman.⁵

Aliran pemikiran functionalists mengkonstruksikan Holocaust di luar konteks “Germano-centric” dan meletakkan Holocaust dalam ruang lingkup yang lebih luas. Bagi penyokong functionalists, hujah intentionalists – Holocaust berlaku kerana kebencian Hitler terhadap orang Yahudi – tidak memadai. Ia tidak mengambil kira perkembangan dalam polisi anti-Yahudi. Justeru itu, pendekatan lain iaitu functionalisme telah dibentuk untuk memberikan satu penjelasan yang lebih komprehensif.⁶ Dalam mengkonstruksikan sejarah Holocaust, “proses” perlu diambil kira kerana Holocaust merupakan kemuncak kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku sebelumnya.⁷ Sentimen perkauman anti-semitisme sahaja tidak memadai untuk menjelaskan faktor “Penyelesaian Terakhir”. Hujah-hujah lain yang dikemukakan oleh aliran functionalists termasuklah kepentingan perluasan Jerman semasa perang untuk *Lebensraum*, radikalisme polisi Nazi semasa Perang Dunia Kedua, perang dengan Soviet Union, dan kedinamikan sistem politik Nazi.⁸

Bahagian pertama artikel ini membincangkan asal-usul ideologi anti-semitisme and hubungannya dengan Holocaust. Kedua, ia menganalisis perdebatan mengenai definisi Holocaust: Adakah definisi Holocaust hanya merangkumi pembunuhan orang Yahudi sahaja atau definisi Holocaust perlu diperluaskan untuk mengambil kira golongan lain? Ketiga, artikel ini melihat kepada rentetan peristiwa yang membawa kepada pelaksanaan “Penyelesaian Terakhir”. Seterusnya, ia membahaskan perbezaan

interpretasi antara sejarawan aliran functionalists dan intentionalists mengenai Holocaust. Akhir sekali, artikel ini menunjukkan bahawa kedua-dua aliran ini masih relevan dalam historiografi semasa Holocaust walaupun mempunyai kelemahan masing-masing. Kerelevanannya terbukti apabila sejarawan mensintesis elemen daripada kedua-dua aliran ini untuk mewujudkan kerangka interpretasi yang baru iaitu “moderate intentionalism” dan “moderate functionalism”.

Definisi Anti-Semitisme dan Holocaust

Pembunuhan besar-besaran kaum Yahudi di bawah regim Nazi (National Socialist German Workers' Party – NSDAP) semasa Perang Dunia Kedua dikaitkan dengan dasar anti-semitisme yang dilaung-laungkan oleh Adolf Hitler. Anti-semitisme bererti anti-Yahudi. Kebencian terhadap orang Yahudi mendasari ideologi parti Nazi. Apa yang ingin dibentuk adalah satu komuniti kebangsaan yang terdiri daripada bangsa “Aryan” yang agung secara biologi. Untuk mencapai cita-cita utopia ini, dasar perkauman Nazi melibatkan pengecualian atau penghapusan bangsa asing. Orang Yahudi menjadi mangsa dalam polisi perkauman ini.⁹ Polisi perkauman Hitler terdiri daripada element berikut: 1) terdapat perbezaan nilai antara kaum, 2) “Aryan” adalah kaum yang paling bernilai, 3) jika kaum “Aryan” bercampur dengan kaum yang kurang bernilai, kaum “Aryan” akan pupus dan ini perlu dielakkan, 4) bukan sahaja ketulenan tetapi kesihatan kaum “Aryan” juga perlu dilindungi. Ini membawa kepada dua kesan. Pertama, ia memerlukan langkah untuk meningkatkan bilangan kelahiran dalam kalangan bangsa Aryan yang sihat dan menggelakkan kelahiran elemen yang tidak sihat. Kedua, kaum Yahudi sebagai musuh Jerman dan penggugat bangsa Aryan perlu diasingkan dan dihapuskan.¹⁰

Parti Nazi mengaitkan musuh-musuh Jerman dengan dasar anti-semitisme. Daripada aspek politik, anti-semitisme mengaitkan komunisme, kapitalisme, liberalisme, anarkinisme, atheisme, Kristian, Britain, Amerika Syarikat, dan Perancis dengan konspirasi antarabangsa yang dianjurkan oleh orang Yahudi. Daripada segi agama, orang Yahudi dilihat sebagai unsur kejahatan dan musuh kepada segala kebaikan. Dalam hal sosial dan ekonomi pula, mereka digambarkan sebagai peniaga yang tamak, lelaki yang bernafsu dan perempuan yang menggoda. Kepada Adolf Hitler, Yahudi bermaksud segala yang negatif. Menurut Hitler, isu ini amat mendesak dan perlu diselesaikan dengan segera. Idea Hitler ditulis dengan jelasnya dalam bukunya “*Mein Kampf*.” Bangsa “Aryan” telahpun dicemari dengan serius dan jika tidak diselamatkan dengan segera, ia akan pupus. Menurut Hitler, “perang” perlu diwujudkan untuk mengekalkan keaslian bangsa dan mencari ruang hidup (Lebensraum).¹¹

Dasar anti-semitisme juga disebabkan oleh keengganan Jerman menerima realiti kekalahan mereka dalam Perang Dunia Pertama. Menurut teori “stab-in-the-back”, kekalahan tentera Jerman adalah disebabkan oleh ketidaksetiaan dan revolusi di dalam negara Jerman yang “menikam” tentera Jerman dari belakang, dan bukanlah faktor ketenteraan. Golongan Yahudi, liberal dan sosialis dipersalahkan kerana mereka dikatakan telah “menikam tentera Jerman dari belakang”. Kepimpinan tentera Jerman telah membuat perjanjian damai kerana Jerman tidak mempunyai sumber untuk meneruskan perang. Tetapi orang Jerman memerlukan satu penjelasan untuk kekalahan dalam perang. Teori pengkhianatan dalam Jerman bertambah kukuh dan Hitler kemudiannya mengutilisasikan teori ini untuk pengukuhan kuasa. Proses ini menjadi mudah kerana teori ini telah dipropagandakan untuk lebih sedekad oleh pemimpin tentera yang enggan menerima tanggungjawab kekalahan.¹² Hitler mempersalahkan

orang Yahudi di Jerman (golongan komunis dan sosialis) atas kekalahan Jerman dalam Perang Dunia Pertama. Orang Yahudi dikaitkan dengan komunisme dan Bolshevism. Mereka dituduh membentuk komunisme sebagai plot untuk memusnahkan negara Jerman. Propoganda “Bolshevik Jewish internationalists” digunakan oleh Hitler untuk mendapatkan sokongan rakyat Jerman menentang Soviet Union.¹³

Anti-Semitisme bukan sahaja merupakan komponen asas ideologi Nazi tetapi memainkan peranan penting dalam pengukuhan kuasa NSDAP di Jerman. Polisi terhadap orang Yahudi memberikan manfaat kepada Nazi dalam usahanya mencapai dominasi politik. Dengan erti kata lain, matlamat polisi anti-Yahudi dalam rancangan Nazi bukan sahaja bertujuan mencapai cita-cita perkauman.¹⁴ Ideologi anti-semitisme bukan sahaja berdasarkan kepada kebencian ataupun sebagai satu cara politik untuk menjadikan orang Yahudi sebagai “kambing hitam” untuk pelbagai masalah masyarakat Jerman selepas Perang Dunia Pertama. Anti-semitisme juga berasaskan cita-cita jangka panjang Nazi untuk perluasan kuasa dan dominasi. Matlamat rejim Nazi selepas Hitler mendapat kuasa pada 1933 adalah untuk membentuk perpaduan kebangsaan berdasarkan etnik dan pemerintahan autokratik yang akan menyediakan Jerman untuk perang demi mencapai objektif jangka panjang – mengembalikan kekuasaan Jerman dan meningkatkan “Lebensraum”.¹⁵

Menurut idea Lebensraum, “Aryan” (orang Jerman tulen) memerlukan ruang hidup untuk berkembang. Jerman perlu menakluki Eropah Timur (misalnya Poland dan Soviet Union yang diduduki oleh bangsa Slav) yang dilihat berpotensi dijadikan ruang untuk orang “Aryan.” Bangsa Yahudi dianggap menggugat kelangsungan hidup Aryan dan memusnahkan kekuatan Jerman.¹⁶ Sepanjang pemerintahan parti Nazi, dianggarkan 4-6 juta orang Yahudi dibunuh dalam peristiwa sejarah yang dikenali sebagai “the Holocaust.” Namun, orang Yahudi bukanlah satu-satunya sasaran Nazi untuk mencapai matlamat ideologi perkauman. Nazi turut membunuh 10.5 juta bangsa Slav. Penyingkiran bangsa Slav di Rusia, Poland dan Ukrain adalah untuk mewujudkan lebih banyak ruang hidup di Eropah Timur yang akan menjadi tempat baru untuk bangsa Aryan yang semakin meningkat.¹⁷

Ini bererti aktiviti pembunuhan tidak ditujukan kepada orang Yahudi sahaja. Orang bukan-Yahudi juga tertakluk kepada pembunuhan misalnya dalam program euthanasia bermula pada Oktober 1939, rakyat bukan Yahudi di negara jajahan takluk Nazi, dan tawanan perang bukan Yahudi.¹⁸ Timbul persoalan kepada definisi Holocaust apabila orang bukan Yahudi turut mengalami nasib yang sama. Tawanan perang Soviet seramai 2.5 juta, beribu-ribu orang Poland semasa pendudukan Nazi ke atas Poland, dan orang Czech dalam peristiwa Lidice semasa penaklukan Nazi ke atas Czechoslovakia. Polisi sedemikian bertujuan untuk men-jerman-kan mereka yang berbangsa Nordic, menghapuskan golongan inteligensia dan menjadikan populasi yang selebihnya kepada buruh paksa demi untuk menjayakan usaha perang Empayar Jerman.¹⁹ Persoalan ini telah membuka jalan kepada perdebatan definisi Holocaust sama ada skopnya hanya merangkumi orang Yahudi sahaja.

Skop Definisi Holocaust

Terdapat dua aliran pemikiran. Penyokong aliran pemikiran yang pertama dalam definisi Holocaust berpendapat bahawa orang Yahudi sahaja yang disasarkan untuk pembunuhan beramai-ramai. Sejarawan yang menyokong aliran pemikiran yang kedua berpendapat bahawa definisi Holocaust perlu diperluaskan untuk mengambil kira golongan lain dan ideologi perkauman Nazi tidak terhad kepada anti-semitisme. Menurut aliran pertama, objektif Hitler terhadap orang Yahudi tidak sama dengan

kumpulan sasaran yang lain dan tujuan pembunuhan juga berbeza. Kem-kem pembunuhan dibina semata-mata untuk menghapuskan golongan Yahudi dan bukannya kumpulan yang lain. Sungguhpun kumpulan lain juga menjadi sasaran ideologi perkauman Hitler, kaum Yahudi adalah musuh utama. Penyingkiran dipercayai mampu menyelesaikan “masalah orang Yahudi” Jerman.²⁰

Sejarawan yang mengehendakkan Holocaust kepada pembunuhan orang Yahudi berhujah berdasarkan motif Nazi, tujuan dan skala. Dari segi motif parti Nazi, ketakutan dan kebencian kepada orang Yahudi tidak dapat disamakan dengan kumpulan lain. Dari segi tujuan, parti Nazi berniat untuk penghapusan menyeluruh semua orang Yahudi tidak mengambil kira latar belakang dan bukannya bersifat selektif. Skala pembunuhan berjumlah 11 juta orang Yahudi di Eropah adalah lebih tinggi berbanding skala pembunuhan kumpulan mangsa yang lain. Tambahan pula, hanya orang Yahudi yang disebut dalam Persidangan Wannsee dan “Penyelesaian Terakhir” merujuk kepada “masalah orang Yahudi.” Sungguhpun Jerman turut menganiaya kumpulan lain tetapi Nazi tidak merancang untuk menghapuskan mereka secara menyeluruh. Jerman mengidentifikasikan orang Yahudi sebagai musuh utama dan menghukum kumpulan ini lebih teruk berbanding kumpulan lain. Oleh itu, kumpulan lain yang juga menjadi mangsa Nazi - Gipsi, orang cacat, tawanan perang Soviet Union, rakyat Poland dan Soviet, banduan politik, dan homoseksual - tidaklah wajar dibincangkan dalam sejarah Holocaust.²¹

Menurut Yehuda Bauer, istilah Holocaust digunakan untuk merujuk kepada pembunuhan orang Yahudi di Eropah yang berada di bawah rejim Nazi. Keunikan kedudukan orang Yahudi adalah kerana mereka disasarkan untuk pembunuhan menyeluruh, hanya kerana mereka dilahirkan kepada tiga generasi nenek moyang yang berketurunan Yahudi.²² Hanya orang Yahudi yang menjadi mangsa dasar penghapusan menyeluruh yang dirancangan. Walaupun terdapat dua setengah juta tawanan perang Soviet dan puluhan ribu orang Poland dibunuh, dasar-dasar yang menaja kekejaman ini tidak ditujukan kepada penghapusan menyeluruh sama ada orang Poland atau tawanan Soviet. Niat dan dasar Nazi untuk pembunuhan setiap anggota masyarakat Yahudi – tidak berlaku ke masyarakat lain. Satu-satunya kumpulan yang ingin dihapuskan sepenuhnya oleh Nazi ialah orang Yahudi. Oleh itu, Bauer menyimpulkan bahawa istilah Holocaust hanya boleh digunakan dengan merujuk kepada pembunuhan orang Yahudi untuk membezakan Holocaust dengan pembunuhan beramai-ramai lain yang dilakukan oleh Nazi.²³ Menurut Bauer, “We should properly use the term ‘Holocaust’ to describe the policy of total physical annihilation of a nation or a people. To date, this has happened once, to the Jews under Nazism.”²⁴ Berenbaum, mendefinisikan Holocaust seperti berikut:

“Pembunuhan bersistematik dan tajaan kerajaan seramai 6 juta orang Yahudi dan jutaan orang lain oleh Jerman dan pembantu mereka semasa Perang Dunia Kedua. Perkataan Holocaust berasal daripada perkataan Greek “holokauston” bererti satu pengorbanan secara pembakaran kepada Tuhan. Nama ini diberikan kepada pembunuhan ini kerana dalam peristiwa akhir program pembunuhan Nazi – kem-kem pembunuhan – orang Yahudi dibunuh dalam bilik bergas dan mayat-mayat mereka dibakar secara menyeluruh dalam bilik pembakaran mayat dan secara terbuka,”²⁵

Sejarawan yang menyokong aliran pemikiran yang kedua ingin meluaskan definisi Holocaust. Polisi perkauman Hitler bertujuan mengekalkan keaslian bangsa Aryan. Maka bangsa asing dan populasi Jerman yang kurang bernilai dan kurang sempurna tertakluk kepada dasar-dasar negatif seperti pengguguran, pemandulan and

pembunuhan.²⁶ Dasar ini memerlukan penghapusan elemen-elemen yang tidak dikehendaki daripada bangsa Aryan. Ini bererti orang Jerman yang tidak sihat, anti-masyarakat dan homoseksual turut menjadi sasaran. Undang-undang Pensterilan 14 Julai 1933 mewajibkan pemandulan untuk golongan pesakit fizikal atau mental, yang keturunannya mereka berkemungkinan besar akan mewarisi penyakit tersebut. Dalam tempoh 1934-1936, mahkamah-mahkamah khas meluluskan 360,000 kes untuk pemandulan berdasarkan laporan daripada jabatan-jabatan kesihatan di seluruh negara. Langkah ini diikuti dengan pindaan Undang-undang Pensterilan 1935 yang membolehkan kerajaan menamatkan kehamilan wanita yang telah diklasifikasikan sebagai pesakit keturunan.²⁷

Selain itu, orang Jerman yang dianggap tidak sempurna secara genetiknya dibunuh secara sistematik dalam program sulit Euthanasia mulai Oktober 1939. Melalui program Euthanasia (pembunuhan belas kasihan), rakyat Jerman berkenaan dibunuh oleh doktor-doktor Jerman atas arahan Hitler. Program T4 ini bertujuan untuk membunuh individu yang sakit tenat, sama ada mental atau fizikal dan dianggap sebagai satu beban kepada sumber negara. Program ini sepatutnya dilaksanakan secara sulit dan paksaan; para doktor menandatangani sijil kematian pesakit untuk dihantar kepada ahli keluarga mangsa. Enam pusat di Jerman telah digunakan untuk pelaksanaan, yang mana mangsa-mangsa dihantarkan ke pusat-pusat yang berkenaan dan cara pelaksanaan dilakukan melalui pelepasan gas beracun. Pada Ogos 1941, program ini dihentikan secara rasmi akibat daripada protes daripada ahli keluarga mangsa dan pegawai agama yang lama-kelamaan mengetahui keadaan sebenar. Sehingga pemansuhan program T4, seramai 75,000 hingga 125,000 orang yang menjadi korban.²⁸ Program T4 ini mempunyai implikasi penting kepada Holocaust kerana teknik pembunuhan beramai-ramai dengan penggunaan gas kemudiannya diaplikasikan dalam kem pembunuhan sebagai “Penyelesaian Terakhir” orang Yahudi. Malahan program Euthanasia mendahului pembunuhan orang Yahudi dan memulakan lembaran Holocaust. Pegawai program T4 yang telah mempunyai pengalaman kemudiannya dihantar untuk mengoperasikan kem-kem pembunuhan.²⁹

Sementara itu, golongan anti-sosial dilihat oleh Nazi tidak menunjukkan tingkah laku peribadi dan sosial yang memenuhi standard minimum negara. Golongan ini termasuklah kriminal, pengemis, penagih dadah, pelacur, penjudi, mereka yang menerima bantuan kerajaan, dan sebagainya. Mereka semuanya dihantar ke penjara dan kem-kem tahanan. Ini menunjukkan bahawa individu (bukan sahaja pembangkang politik) yang cara hidup mereka tidak “normal” dan tidak mematuhi norma Nazi diletakkan dalam kawalan kerajaan. Serangan ke atas homoseksual berakar umbi dalam polisi populasi kerajaan bertujuan untuk menjaga keaslian keturunan masyarakat Jerman. Golongan ini dianggap menjelaskan produktiviti negara untuk menghasilkan bangsa Aryan yang tulen dan ditangkap secara besar-besaran dan tertakluk kepada hukuman penjara.³⁰

Orang Gipsi, orang cacat, tawanan perang Soviet, dan orang awam Poland dan Soviet merupakan antara kumpulan lain yang wajar diklasifikasikan dalam Holocaust. Memang terdapat perbezaan antara Gipsi dan orang Yahudi dari segi layanan Nazi tetapi perbezaan itu tidak penting. Gipsi adalah kurang bilangannya, kurang kaya dan dianggap kurang berbahaya dan diberikan kurang tumpuan oleh Nazi. Tetapi polisi Nazi bertujuan membunuh semua Gipsi bersama Yahudi mulai 1942. Mulai itu, tiada lagi perbezaan layanan antara Gipsi tulen dan Gipsi campuran. Semua Gipsi dilayan dengan sama dengan Yahudi. Polisi Hitler menganggap kedua-dua kumpulan ini berkedudukan lebih rendah. Tawanan perang Soviet juga perlu diambil kira sebagai mangsa Holocaust kerana kematian mereka ditentukan oleh faktor perkauman. Daripada 5.7 juta askar Soviet yang menyerah kalah kepada Jerman, lebih daripada 3

juta ditembak, diracuni dengan gas, mati kebuluran dan bekerja sehingga mati. Tawanan Soviet berbangsa Slav, pada pendapat Nazi, perlu dihapuskan. Malahan penerusan bangsa Slav menghalang cita-cita Nazi untuk mendapatkan *Lebensraum* dan menempatkan bangsa Aryan di Eropah Timur. Tidak terkecuali ialah orang awam Poland dan Soviet. Tiga juta rakyat biasa Poland dan 19 juta rakyat biasa Soviet menjadi mangsa ideologi perkauman Nazi kerana mereka berbangsa Slav. Rancangan Hitler untuk menawan Poland dan Soviet Union membawa kepada peningkatan kadar pembunuhan. Penduduk wilayah Eropah Barat seperti Perancis dan Belanda yang berkedudukan dan bernilai lebih tinggi tidak dilayan dengan sebegitu teruk. Penduduk Slav di Slovakia dan Croatia tidak menjadi mangsa dalam rancangan Hitler mendapatkan *Lebensraum* dan mereka terselamat. Bagaimanapun, adalah sukar untuk mengelaskan banduan politik dalam Holocaust. Mereka ini terdiri daripada orang Jerman yang berfahaman komunis, sosialis dan demokrat yang dimasukkan dalam kem tahanan. Mereka bukan mangsa ideologi perkauman Hitler dan dihukum kerana mencabar kuasa mutlak Nazi dalam politik.³¹

Perkembangan Polisi Anti-Semitisme

Peringkat 1: Pengecualian Orang Yahudi daripada Kehidupan Awam, 1933-1934

Pada peringkat awal, tumpuan serangan adalah kedai-kedai dan perniagaan orang Yahudi pada peringkat wilayah. Gerakan anti-Semitisme bermula pada 7 Mac di daerah Rhine-Ruhr dan kemudiannya merebak ke Berlin pada 9 Mac dan seterusnya melanda Hamburg, Mecklenburg, dan Frankfurt pada 11 Mac. Dalam kesemua serangan tersebut, penyokong Nazi berdiri di luar pintu kedai orang Yahudi, menampal poster pada tingkap dan menghalang pelanggan daripada memasukinya menyebabkan kedai-kedai terpaksa ditutup.³² Pada 1 April 1933, boikot secara rasmi bermula pada peringkat kebangsaan yang mana tentera SA (Sturmabteilung) Hitler menghalang pelanggan memasuki premis perniagaan orang Yahudi.³³ Walaupun boikot tersebut telah dihentikan secara rasminya pada hari ia dilancarkan (akibat liputan berita yang negatif daripada dunia luar), kempen terhadap perniagaan orang Yahudi masih diteruskan dalam pelbagai bentuk: peniaga dipulaukan daripada tempat berniaga, syarikat dilarang membuat pengiklanan dalam media massa, kontrak dengan orang Yahudi ditamatkan oleh kerajaan tempatan, tingkap premis perniagaan dan kediaman dipecahkan, tanah perkuburan dirosakkan dan tempat beribadah digeledah. Pihak ibu pejabat parti Nazi tidak mampu menghentikan gerakan boikot tersebut apabila semangat anti-Yahudi semakin menebal dalam kalangan aktivis parti Nazi.³⁴

Undang-undang anti-Yahudi, "Civil Service Act," 7 April 1933 mengecualikan orang bukan Aryan daripada menjawat jawatan awam. Ia mewujudkan peruntukan untuk pemecatan kakitangan kerajaan atas sebab politik dan untuk persaraan wajib kakitangan awam yang bukan berbangsa Aryan. Dalam beberapa bulan berikutnya, hampir 50% penjawat awam Yahudi dilucutkan jawatan oleh undang-undang baru itu. Selepas itu, organisasi swasta turut mengaplikasikan polisi berkenaan untuk pekerja mereka. Penggunaan dasar Aryan dalam pentadbiran awam diperluaskan lagi melalui undang-undang susulan. Apabila undang-undang berkenaan dengan kemasukan dalam profesion perundangan diluluskan pada 1 April, peguam bukan keturunan Aryan hilang hak bekerja dalam bidang perundangan. Orang Yahudi dalam profesion lain turut menjadi mangsa tidak lama kemudian. Doktor dikecualikan daripada bekerja dalam sistem insurans kesihatan. "Undang-undang mengurangkan kesesakan sekolah dan

universiti Jerman” (Law against Overcrowding in German schools and universities) pada April 1933 pula mengenakan quota pada bilangan pelajar Yahudi yang boleh diterima. Pelajar-pelajar Yahudi sekolah dan universiti didiskriminasikan dalam banyak aspek. Ini diikuti dengan penghapusan pengaruh intelektual Yahudi daripada kehidupan budaya Jerman. Menjelang pertengahan April, banyak bandar besar memperlihatkan Nazi merampas buku koleksi perpustakaan universiti dan membakar karya-karya penulis dan saintis Yahudi.³⁵ Sepanjang 1930-an, polisi anti-Yahudi yang diperkenalkan melalui pelbagai peringkat bertujuan menghalau semua orang Yahudi daripada Jerman dengan mengalakkan berhijrah. Golongan profesional dan mereka yang berpendidikan tinggi telah berhijrah besar-besaran sementara golongan bukan profesional yang tidak mampu berhijrah terus menetap di Jerman.³⁶

Jadual 1: Peringkat Dasar Anti-Semitisme

Tahun	Peringkat
1933-1934	Pengecualiaan orang Yahudi daripada kehidupan awam
1935-1937	Segregasi dan diskriminasi
1937-1939	Emigrasi
1939-1941	Pembuangan negeri di jajahan takluk Jerman
1941	Pembunuhan besar-besaran di jajahan takluk Soviet Union
1942-1945	Penghapusan orang Yahudi Eropah

Sumber: Peter Longerich. *Holocaust: The Nazi Persecution and Murder of the Jews*. Oxford: Oxford University Press: 2010.

Peringkat 2: Segregasi 1935-1937

Peringkat kedua ini bertujuan memandatkan diskriminasi orang Yahudi, memperluaskan segregasi dan mendefinisikan siapakah yang boleh dikategorikan sebagai “Yahudi”. Satu siri perundangan yang dinamakan undang-undang Nuremberg dimaktubkan pada 15 September 1935. “Undang-undang Melindungi Darah dan Maruah orang Jerman” melarang perkahwinan campur dan hubungan sulit antara orang Yahudi dan warganegara Jerman. Selepas dua bulan pengenalan Undang-undang Nuremberg, dikri pertama “Undang-undang Kerakyatan Reich” (*Reichsbürgergesetz*) 14 November 1935 dimaktubkan; orang Yahudi telah dilucutkan daripada status kerakyatan Jerman. Undang-undang Nuremberg menamatkan hak persamaan kerakyatan yang selama ini dinikmati oleh orang Yahudi dan secara rasminya menjadikan mereka rakyat kelas kedua di negara mereka sendiri. Dengan pengenalan dikri kedua *Reichsbürgergesetz*, profesion perundangan, perubatan dan pendidikan dalam perkhidmatan awam ditutup kepada orang Yahudi. Pada tahun 1938 orang Yahudi diharamkan dari semua pekerjaan akademik profesional.³⁷

Reichsbürgergesetz membezakan istilah “rakyat” dan “warganegara.” “Rakyat” iaitu mereka yang berhak menikmati hak politik dan terdiri daripada mereka yang berketurunan Jerman yang bersedia untuk berkhidmat dengan Reich. Dikri pertama kepada *Reichsbürgergesetz* mendefinikan orang Yahudi sebagai “warganegara” dan menyatakan bahawa seorang Yahudi tidak boleh menjadi rakyat *Reich*. Mereka tidak mempunyai hak untuk mengundi ataupun hak untuk menjawat jawatan awam. Undang-undang ini diikuti dengan perdebatan hangat tentang siapakah yang dianggap sebagai orang Yahudi. Hasilnya, dikri tambahan kepada Undang-undang Kerakyatan Reich 1935 telah menspesifikasikan kriteria untuk menentukan mereka yang merupakan

“Yahudi penuh” atau “Yahudi separa.” Kriteria ini berdasarkan agama (bukannya bangsa keturunan).³⁸

Mereka dengan tiga atau lebih moyang yang beragama Yahudi dikira sebagai “Yahudi.” Mereka akan hilang hak kerakyatan Jerman. Mereka yang mempunyai dua moyang beragama Yahudi dikelaskan sebagai “berdarah campur” dan status mereka adalah kabur dan masih diperdebatkan. Kebanyakannya dilayan sebagai Yahudi dan didiskriminasikan. Undang-undang kerakyatan ini adalah sangat signifikan kerana ia menandakan langkah ke arah penghapusan orang Yahudi. Semua serangan atas orang Yahudi selepas itu dimandatkan oleh proses perundangan. Apabila orang Yahudi didefinisikan, adalah lebih mudah untuk mengasingkan, merompak, membuang negeri dan akhirnya membunuh mereka.³⁹ Antara 1933 dan 1939, lebih daripada 400 perundangan dan dikri anti-semitisme diluluskan, menjadikan masyarakat Yahudi lumpuh daripada segi politik dan sosial. Dalam proses ini, Nazi dibantu oleh pihak kerajaan tempatan yang turut mengeluarkan undang-undang anti-Yahudi mereka sendiri. Antaranya termasuklah mengekshakan bangku berwarna kuning di taman-taman untuk orang Yahudi, menarik balik lesen ahli farmasi dan doktor, mengecualikan mereka daripada perkhidmatan tentera dan mewajibkan mereka menggunakan nama keluarga Yahudi iaitu Sarah atau Israel.⁴⁰

Peringkat seterusnya memperlihatkan pengasingan mereka daripada instituti ekonomi. Orang Yahudi mengalami segregasi ekonomi melalui proses “Aryanisasi”. Istilah “Aryanisasi” merujuk kepada usaha parti Nazi untuk melucutkan orang Yahudi daripada pekerjaan dan harta milik mereka sepanjang tempoh 1933-1939. Pada mulanya, ia bertujuan melindungi orang Jerman daripada dominasi orang Yahudi dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Jerman. Lama-kelamaan ia berkembang menjadi satu langkah mensegregasikan mereka daripada rakyat lain dan akhirnya menjadi langkah penghapusan. Proses Aryanisasi menguntungkan Nazi dalam beberapa aspek. Pertama, ia menjadikan banyak jawatan dan barangan tersedia kepada orang bukan Yahudi. Ini secara langsung meningkatkan sokongan popular untuk kerajaan Hitler. Kedua, ia menjadikan kebanyakan aset milikan Yahudi (yang dirampas) sebagai sumber kewangan untuk empayar Jerman. Seperti yang dibincangkan di atas, peraturan kerajaan sepanjang 1933-1935 telahpun mengecualikan kebanyakan orang Yahudi daripada sektor awam, syarikat awam, pendidikan, perubatan, dan kehakiman.⁴¹

Bagi sektor swasta, Nazi mengelak daripada bertindak secara terbuka untuk mengurangkan kesan buruk kepada ekonomi Jerman dan kepada hubungan luar negeri. Ancaman dan ugutan pada peringkat bawahan memadai untuk memujuk orang Yahudi bersara atau menjualkan perniagaan. Sebagai contoh, kerajaan menarik balik kontrak daripada syarikat milikan Yahudi. Dalam beberapa kes seperti kedai serbaneka, syarikat penerbitan dan firma persenjataan, kerajaan memberi tekanan kepada orang Yahudi supaya menjualkan syarikat mereka pada harga yang amat rendah. Penyokong kuat Nazi dalam syarikat swasta pula mendesak untuk pemecatan pegawai dan lembaga pengarah yang beragama Yahudi. Pada masa yang sama, pelanggan-pelanggan tidak digalakkan mengunjungi kedai milikan Yahudi ataupun mendapatkan perkhidmatan professional Yahudi. Malahan mereka yang menjalankan urusan perniagaan dengan pihak Yahudi dikritik oleh organisasi Nazi tempatan. Secara tidak langsung, larangan rasmi dan gangguan tidak rasmi ini telah melemahkan kedudukan ekonomi Yahudi.⁴²

Pada akhir 1937, satu suku daripada populasi Yahudi bergantung kepada agensi kebajikan Yahudi. Lebih kurang 60% daripada 100,000 syarikat Yahudi di Jerman (pada 1933) telah dijual ataupun ditutup. Jumlah kekayaan polulasi Yahudi pada nilai 10 billion reichsmarks (pada masa Hitler mendapat kuasa) jatuh mendadak sebanyak 40-50%. Populasi Yahudi menurun sebanyak 1/3. Kekayaan orang Yahudi turut

berkurangan apabila regim Nazi bertindak mengenakan cukai 25% atas aset mereka yang berhijrah. Mulai awal 1938, Nazi bertindak secara terbuka dan melancarkan serangan penuh terhadap mata pencarian rezeki mereka. Didorong oleh situasi perang yang bakal menjelang, Hitler bertindak lebih keras. Kerajaan menggugat untuk menamatkan kontrak kerajaan daripada semua perniagaan, menyebabkan orang Yahudi yang masih memegang jawatan korporat dan pengurusan dipaksa keluar dan pemegang saham Yahudi dilucutkan hak mereka. Sebarang penjualan perniagaan Yahudi perlu diluluskan oleh Penasihat Ekonomi kerajaan, yang bakal menentukan harga jualannya.⁴³

Peringkat 3: Emigrasi, 1937-1939

Dalam keadaan ini, orang Yahudi berdepan dengan dua pilihan iaitu menerima status taraf kedua dalam negara mereka atau berhijrah. Migrasi meningkat mendadak selepas peristiwa “Malam Pecah Kaca” (*Kristallnacht*) pada 9-10 November 1938. Pegawai SA Nazi merosakkan kedai dan kediaman Yahudi, membakar 267 empat beribadah, menghantar 20,000 ke kem tahanan dan membunuh 91 orang.⁴⁴ Selepas 10 November, semakin banyak perundangan anti-semitisme diluluskan. Mereka dihalang daripada memiliki kedai-kedai atau bekerja sendiri sebagai tukang-tukang mahir, mereka yang bekerja dengan orang Aryan dipecat, mereka dilarang pergi ke konsert dan pawagam, dilarang memandu kenderaan, serta dinafikan bantuan kerajaan. Syarikat insurans Jerman dilepaskan daripada tanggungjawab daripada membayar tuntutan atas kerosakan harta benda Yahudi akibat daripada peristiwa *Kristallnacht*. Malahan orang Yahudi sendiri perlu membayar ganti rugi kepada kerajaan untuk proses pembersihan selepas peristiwa itu. Kerajaan mengenakan 1 billion reichsmarks terhadap semua populasi Yahudi di Jerman (iaitu 3,000 reichsmarks untuk setiap orang Yahudi).⁴⁵

Ini dilakukan dengan menaikkan cukai sebanyak 25% atas kesemua aset individu mulai April 1939. Tidak lama lagi, kerajaan mulai menjalankan penjualan atau pembubaran syarikat-syarikat Yahudi yang masih ada, mensyaratkan mereka me-tunai-kan segala kekayaan mereka. Dana hasil daripada penjualan paksa dan penukaran wajib polisi insurans, saham dan sebagainya dalam bantuk tunai perlu dimasukkan dalam akaun-akaun di bawah pemegang amanah Nazi. Bagi mereka yang masih menetap di Jerman, pemilik akaun itu berhak mengeluarkan elaun sara hidup bulanan. Sebaik sahaja mereka meninggalkan Jerman, semua baki akaun menjadi milik kerajaan. Melalui proses ini, hampir setengah daripada kekayaan Yahudi bernilai 3 bilion reichsmarks pada April 1938 menjadi milik kerajaan menjelang September 1939. Aryanisasi menguntungkan individu terutamanya penerima harta tersebut yang kebanyakannya adalah orang Nazi tetapi juga mereka yang menguruskan proses pertukaran hak milik seperti bank, agensi hartanah dan kedai pajak gadai.⁴⁶

Dalam masa sepuluh bulan selepas peristiwa *Kristallnacht*, antara 100,000 hingga 150,000 Yahudi meninggalkan negara Jerman. Sebenarnya, sebelum 1938, dasar Hitler bertujuan menyusahkan hidup orang Yahudi sehingga mereka sendiri akan berhijrah secara sukarela. Emigrasi adalah penyelesaian awal Nazi kepada “masalah Yahudi.” Pada Jun 1938, Nazi memulakan polisi emigrasi paksaan. Bagaimanapun polisi ini mempunyai banyak halangan daripada aspek implementasi. Pintu masuk ke negara luar mulai ditutup kepada orang pelarian Yahudi. Negara-negara dengan populasi Yahudi yang besar (misalnya Palestin) mengenakan quota untuk kemasukan imigran Yahudi. Afrika Selatan, Kanada, Australia dan Amerika Syarikat turut mengenakan sekatan dan menolak kebanyakan permohonan visa daripada Yahudi Jerman. Britain menutup pintunya sebaik sahaja Perang Dunia Kedua bermula.⁴⁷

Krisis pelarian Yahudi menjadi semakin serius berikutan penaklukan Austria (Mac 1938) dan penyingkiran keluar kaum Yahudi dari Austria. Krisis pelarian ini cuba diselesaikan oleh Persidangan Evian yang dianjurkan oleh Presiden Roosevelt di Perancis. Persidangan ini dihadiri oleh 32 negara menunjukkan bahawa negara-negara Barat tidak memberikan keutamaan kepada usaha penyelamatan orang Yahudi. Amerika menyatakan dari mula lagi bahawa ia tidak akan mengubah polisi imigrasi atau meningkatkan kuota imigrasi. Britain pula ingin negara taklukannya, Palestin, dikecualikan daripada agenda persidangan manakala Australia tidak ingin isu perkauman ini diimport ke negaranya. Bagi mereka yang berjaya berhijrah ke negara Eropah seperti England, Belgium, Belanda, dan Perancis, mereka dapat mengelakkan daripada penindasan Nazi. Apabila negara Eropah berkenaan ditakluki oleh Hitler, mereka turut mengalami nasib yang sama dan dihantar ke kem tahanan. Keengganan dan kegagalan negara-negara barat memberikan perlindungan kepada pelarian Yahudi memberikan peluang kepada Nazi untuk menyelesaikan masalah orang Yahudi. Memandangkan dunia luar tidak mengambil berat akan nasib Yahudi, Nazi boleh mencari “Penyelesaian Terakhir”. Ini seterusnya membuka jalan kepada apa yang dikenali dalam sejarah sebagai “the Holocaust.”⁴⁸

Peringkat 4: Pembuangan Negeri, 1939-1941

Pada peringkat ini, dasar Hitler ialah untuk pembuangan negeri dan bukannya pembunuhan. 2 juta orang Yahudi di Poland tertakluk kepada dasar perkauman Nazi apabila tentera Nazi menaklukinya pada September 1939. Selepas harta benda mereka dihantar, mereka dihantar ke “ghetto” (kawasan perumahan khas Yahudi) untuk dijadikan buruh paksa. Ghetto-ghetto ini diasingkan daripada populasi tempatan yang lain. Umumnya, keadaan di ghetto adalah sangat sesak dan mengalami kekurangan makanan dan ubatan, sehingga menyebabkan kematian. Tempat ini adalah penempatan sementara sehingga tempat pembuangan negeri yang lebih sesuai dijumpai. Terdapat cadangan supaya mereka dibuang ke Eropah Timur atau Madagascar. Apabila Jerman menakluki negara Eropah barat seperti Perancis, Belgium, Luxembourg, Belanda dan Norway, polisi anti-Yahudi di Jerman turut diaplikasikan di situ. Orang Yahudi perlu didaftarkan, kemudiannya dirampas harta benda, dilucutkan kerakyatan, diasingkan dan diwajibkan memakai simbol bintang kuning sementara menunggu pembuangan negeri.⁴⁹

Orang Yahudi Jerman yang berhijrah secara automatik dilucutkan kewarganegaraan mereka dan selepas itu semua harta mereka akan diambilalih. Faktor pengambilalihan dan perampasan harta orang Yahudi dan faktor polisi perkauman Nazi telah memotivasikan pelucutan kerakyatan sepanjang 1933 dan 1941. Menjelang 1940 ketamakan kepimpinan Gestapo (pasukan polis rahsia) menyebabkan parti Nazi meluaskan skop pelucutan kepada semua orang Yahudi yang memiliki harta yang banyak di Jerman. Dikri kesebelas *Reichsbürgergesetz* pada 26 November 1941 disediakan untuk memudahkan lagi prosedur pengambilalihan harta dan juga menghalalkan perampasan harta secara automatik mereka yang dibuang negeri.⁵⁰

Peringkat 5: Pembunuhan Beramai-ramai di Soviet Union, 1941

Dengan bermulanya Perang Dunia Kedua, dasar perkauman Hitler semakin radikal dan meluas kerana pembunuhan berlaku secara berleluasa di jajahan takluk Jerman di Poland dan Soviet Union. Orang Yahudi di Poland di-ghetto-kan. Tentera Jerman

dengan pasukan pembunuh bergerak khas diarahkan untuk membunuh orang Yahudi dan musuh-musuh Jerman di tanah Soviet Union.⁵¹ Empat pasukan pembunuh bergerak khas (*Einsatzgruppen*) ditubuhkan di bawah “Operasi Barbarossa.” Bermula pada Jun 1941, operasi ini bertujuan menyerang Soviet Union untuk melemahkan Britain, mewujudkan lebih *Lebensraum*, dan menghapuskan orang Yahudi yang merupakan ahli komunis Rusia yang dianggap paling berbahaya. Pasukan khas diarahkan untuk membunuh orang Yahudi dan pegawai komunis. Apabila perang tamat, *Einsatzgruppen* telah menembak dan menguburkan lebih satu juta orang awam. Berbeza daripada situasi di Poland yang mana orang Yahudi dihantar ke ghetto, mereka di Soviet Union tertakluk kepada kekejaman tentera Nazi. Malahan bangsa yang lebih rendah kedudukannya seperti orang Poland, Rusia dan Ukraine dieksploitasi untuk menjadi buruh paksa dan askar Soviet dijadikan tahanan perang.⁵²

Pembunuhan beramai-ramai orang Yahudi oleh *Einsatzgruppen* menandakan penggunaan kekejaman untuk menyelesaikan “masalah Yahudi.” Kegagalan menakluki Soviet Union mengagalkan rancangan pembuangan negeri orang Yahudi di Jerman, Poland dan Eropah Timur. Keadaan kesesakan dan penyakit di ghetto menyebabkan ghetto tidak mampu lagi menerima tahanan Yahudi lagi dan ini membimbangkan pegawai Jerman. Pembunuhan di Soviet Union menyakinkan mereka bahawa pembunuhan adalah alternatif yang lebih berkesan daripada membiarkan mereka mati dalam tahanan. Pada akhir 1941, pegawai SS (*Schutzstaffel*) mula mencari satu cara penghapusan besar-besaran yang lebih efektif dan lebih tertutup berbanding dengan penggunaan *Einsatzgruppen*. Pada September, eksperimen dijalankan untuk mengas tahanan perang Soviet Union dalam kem tahanan di Auschwitz. Pembinaan kem pembunuhan seterusnya bermula di Belzec dan Chelmo pada November. Sebulan kemudian, orang Yahudi dibunuh dengan menggunakan van yang bergas di Chelmo. Menjelang akhir 1941, “Penyelesaian Terakhir” masalah Yahudi Eropah telah bermula.⁵³

Peringkat 6: Penyelesaian Terakhir, 1941-1944

Pada Julai 1941, Reinhard Heydrich, ketua keselamatan SS untuk merangka satu plan menyeluruh untuk melaksanakan “Penyelesaian Terakhir” kepada masalah Yahudi. Rancangan “Penyelesaian Terakhir” diumumkan kepada agensi-agensi Jerman pada Persidangan Wannsee pada 20 Januari 1942. Plan ini melibatkan penghantaran semua Yahudi daripada semua jajahan takluk Jerman di Eropah ke ghetto, kem tahanan dan kem pembunuhan di sebelah timur. Kesan polisi ini adalah berbeza mengikut negara dan bergantung kepada tempat menetap mangsa. Menurut plan ini, Hitler mengarahkan pembuangan negeri semua 11 juta orang Yahudi Eropah ke kem-kem di Eropah Timur. Mereka akan dipaksa “bekerja sehingga mati” untuk Jerman dan mereka yang tidak mampu bekerja akan dihantar terus ke kem pembunuhan. “Penyelesaian Terakhir” mula dilaksanakan sebaik sahaja semua agensi kerajaan bersetuju untuk bekerjasama.⁵⁴

Orang Yahudi yang dihantar dari ghetto-ghetto Eropah Timur perlu melalui proses pemilihan untuk mengasingkan mereka yang berupaya bekerja daripada yang tidak berupaya. Yang berupaya bekerja dihantar sebagai buruh paksa sama ada ke kem buruh dan kem tahanan (*concentration camp*), sementara yang tidak berupaya akan dihantar ke kem pembunuhan (*extermination camp*). Kem buruh tidaklah bertahan lama kerana kebanyakannya diserapkan dalam sistem kem tahanan menjelang 1943. Di kem-kem tahanan, sistem warna digunakan untuk membezakan kategori tahanan: merah untuk tahanan politik, hijau untuk penjenayah umum, hitam untuk anti-sosial ,

merah jambu untuk homoseksual, dan kuning untuk Yahudi.⁵⁵ “Buruh paksa” dilihat sebagai mekanisme “penghapusan melalui kerja.” Bukan sahaja SS yang mengaut keuntungan daripada penderitaan mereka malahan syarikat-syarikat Jerman besar turut mengeksploitasi buruh paksa untuk penghasilan barangan komersial.⁵⁶

Di kem-kem pembunuhan, orang Yahudi termasuklah golongan muda, tua, sakit, wanita dengan kanak-kanak dan mereka yang tidak diperlukan untuk kerja buruh. Terdapat enam kem pembunuhan kesemuanya yang empatnya dikhaskan untuk pembunuhan besar-besaran. Ketibaan ke kem itu bermakna kematian pada hari yang sama. Hanya beberapa ratus banduan yang dibenarkan hidup untuk kerja-kerja membuang mayat-mayat, menguruskan ketinggalan mangsa, dan membantu SS mengendalikan kem. Sementara itu, dua kem lagi (Majdanek dan Auschwitz) adalah kem pembunuhan dan tahanan pada masa yang sama. Mereka yang sampai akan diasingkan mengikut kemampuan bekerja dan bukan semua dibunuh dengan serta merta.⁵⁷ Hitler tidak melakukan Holocaust dengan sendiri. Terdapat banyak orang Jerman dan bukan Jerman yang terlibat seperti pegawai SS, kerajaan Jerman, serta pegawai parti Nazi yang membantu merancang dan melaksanakan pembuangan negeri, tahanan dan pembunuhan orang Yahudi Eropah. Rakyat biasa seperti kakitangan kerajaan, doktor, peguam, hakim, askar dan pekerja kerja raya turut memainkan peranan dalam Holocaust.⁵⁸

Keadaan Perang Dunia Kedua telah membekalkan keadaan yang kondusif untuk pelaksanaan Holocaust. Perang Dunia Kedua juga meluaskan ruang lingkup “masalah orang Yahudi” dengan membawa masuk berjuta-juta orang Yahudi Eropah di bawah penaklukan Jerman apabila negara-negara Eropah (seperti Poland, Perancis) dan rantau Balkan ditakluki oleh tentera Nazi. Selepas penyerangan ke atas Soviet Union, keputusan telah dibuat untuk melaksanakan “Penyelesaian Terakhir” – pembunuhan semua orang Yahudi di bawah kawalan Empayar Jerman di Eropah.⁵⁹ Jumlah mangsa orang Yahudi yang terkorban di kem-kem pembunuhan (melalui gas beracun) di Poland berjumlah 3 juta, 1.5 juta ditembak oleh *Einsatzgruppen*, pasukan keselamatan, polis dan tentera dan 1.5 juta meninggal di kem-kem tahanan akibat penyakit, kebuluran, keletihan dan lain-lain. Walaupun tradisi anti-semitisme penting dalam menjelaskan Holocaust, faktor keadaan seperti politik dan ketenteraan turut menyumbang kepada peristiwa berkenaan. Pertindihan antara ideologi anti-semitisme, pembersihan etnik dan perang menjadikan Holocaust satu kenyataan.⁶⁰

Interpretasi Holocaust: Aliran Intentionalists and Functionalists

Intentionalists

Pendekatan *intentionalists* yang juga dikenali sebagai pendekatan “Hitlerisme” berdasarkan andaian bahawa Hitler, sejak awal lagi, berusaha mencapai matlamat penghapusan orang Yahudi. Berdasarkan pendekatan ini, pelbagai peringkat polisi anti-Yahudi adalah berasaskan matlamat Hitler dan “Penyelesaian Terakhir” adalah objektif diktator berkenaan sejak awal kareer politiknya dan hasil daripada polisi Hitler dan dilaksanakan mengikut arahan pemimpin itu. Interpretasi ini selaras dengan model totalitarian negara Jerman yang mana Hitler menentukan polisi dari atas. Pendekatan Hitlerisme ini bergantung kepada kepada faktor motif dan autonomi kehendak individu sebagai penggerak sejarah.⁶¹

Sejarawan *intentionalists* menekankan ideologi Hitler kerana Hitler mempunyai idea yang jelas mengenai rancangannya untuk orang Yahudi di Eropah sejak awal lagi dan melaksanakannya secara sistematik sebaik sahaja memperolehi kuasa politik.

Penjelasan berdasarkan Hitler sentrik ini selaras dengan sistem totalitarian Jerman (di bawah diktator Hitler) dan pengaruh meluas anti-semitisme di Jerman. Hujah utama kumpulan sejarawan ini ialah niat Hitler terhadap orang Yahudi. Sikap anti-semitisme Hitler ditunjukkan dalam jelas dalam bukunya, *Mein Kampf*, pada 1920-an. Sejak memperolehi kuasa pada 1933 lagi, Hitler dalam ucapannya selalu menasaskan golongan Yahudi. Yahudi dikaitkan dengan semua masalah yang dihadapi oleh Jerman – komunisme, demokrasi, kapitalisme, internationalisme, dan pasifisme. Dalam *Mein Kampf*, Hitler menyalahkan Yahudi atas kekalahan Jerman pada 1918 dan kisah perang dunia pertama akan tamat secara berbeza tanpa orang Yahudi. Hitler menggesa supaya cengkaman dan pengaruh Yahudi dilepaskan daripada Jerman.⁶²

Intentionalists juga mengaitkan kebencian Hitler terhadap Yahudi kerana mereka dikaitkan dengan komunisme. Hitler merancang perang untuk menjatuhkan Soviet Union, iaitu benteng kuasa Yahudi yang paling bahaya. Sejarawan percaya penahanan orang Yahudi di ghetto dan kem buruh tidaklah bertujuan untuk penempatan semula ke Eropah Timur tetapi bertujuan untuk memudahkan mereka dihantar untuk pembunuhan, yang bermula selepas serangan atas Rusia. Rancangan pembuangan negeri atau penempatan semula seperti rancangan Madagascar, tidak diberi perhatian oleh intentionalists. Bagi kumpulan sejarawan ini, rancangan ini adalah tipu muslihat Nazi semata-mata. Pembunuhan beramai-ramai barulah merupakan rancangan Hitler yang sebenarnya. Niat Hitler menjadi jelas semasa Jerman menyerang Soviet Union pada Jun 1941. Pembunuhan bermula dengan aktiviti *Einsatzgruppen* di Rusia dan skop pembunuhan diperluaskan kepada semua orang Yahudi di Eropah. Penjelasan sejarawan intentionalists boleh dirumuskan seperti berikut: Hitler amat membenci orang Yahudi, Hitler berkuasa mutlak dalam empayar Jerman dan perang Hitler dengan Soviet Union memberikannya peluang untuk pembunuhan besar-besaran.⁶³ Menurut Bergen, “Tanpa Hitler, Nazism, Perang Dunia Pertama dan Holocaust mungkin mengambil bentuk yang berlainan, sekiranya ia berlaku.”⁶⁴

Interpretasi ideologi-intentionalists mempunyai enam ciri: pertama, peranan ideologi, terutamanya anti-Semitisme sebagai penyebab utama; kedua, menekankan aspek agensi dalam penubuhan negara totalitarianisme dan pelaksanaan Holocaust; ketiga, melihat perkembangan budaya politik Jerman yang tidak liberal; keempat, menggunakan retorika moralistik; kelima, melihat orang Yahudi sebagai mangsa utama penganiayaan Nazi; dan keenam, untuk menentukan keunikan Holocaust dalam istilah ideologi.⁶⁵ Bagi aliran intentionalisme, isu-isu seperti proses pembuatan keputusan, dinamik persaingan organisasi dan struktur birokrasi merupakan faktor kedua terpenting. Idea Hitler tentang pemusnahan orang Yahudi adalah penyebab utama. Hitler sahaja dilihat sebagai penentu dan pencetus pembunuhan itu. Aliran ini dikatakan gagal memahami “proses” sebagai penyebab sebenar.⁶⁶

Hujah-hujah intentionalists mempunyai kelemahan. Pertama, tidak terdapat bukti kukuh menunjukkan pentadbiran Hitler bersedia membunuh Yahudi sebelum 1941. Sepanjang 1933 – 1941, negara Jerman mengasingkan Yahudi, mengasingkan mereka dari aspek ekonomi, menggalakkan mereka berhijrah dan kemudiannya membuang negeri secara paksa. Mereka tidak tertakluk kepada pembunuhan. Kedua, ancaman Hitler terhadap Yahudi tidaklah boleh dianggap sebagai bukti bahawa dia merancang dari awal lagi untuk pembunuhan. Hitler mungkin menggunakan bahasa yang ekstrem tetapi ia tidaklah boleh diterima sebagai bukti dan diterjemahkan sebagai tindakan. Ketiga, tiada lagi sejarawan yang membuktikan Hitler memberikan sebarang arahan secara bertulis atau lisan untuk memulakan “Penyelesaian Terakhir.” Kelemahan hujah intentionalists membuka jalan kepada kerangka interpretasi baru.⁶⁷

Functionalists

Sejarawan aliran functionalists atau structuralists tidak menafikan peranan peribadi, politik dan tanggungjawab moral Hitler. Tetapi mereka memperluaskan tanggungjawab Holocaust kepada peranan aktif elit Jerman dalam tentera, industri dan birokrasi jentera pentadbiran bersama-sama dengan kepimpinan Nazi dan partinya. Peranan Hitler hanyalah menyediakan asas dan matlamat penghapusan kaum Yahudi. Pelbagai pihak di Jerman kemudiannya mentransformasikan objektif Hitler kepada satu realiti. Ada pihak yang terlibat untuk kepentingan sendiri dan tidak semestinya dimotivasikan oleh ideologi anti-semitisme.⁶⁸ Pendekatan strukturalists menekankan pembentukan polisi Hitler sebagai satu siri reaksi ad hoc terhadap jentera kerajaan yang tidak tersusun. Ini membentuk satu rangkaian radikalisasi – penghapusan orang Yahudi tidaklah dirancang dari awal dan merupakan satu rangkaian tindak balas ad hoc kepada masalah pentadbiran rejim Nazi.⁶⁹

Functionalists mempunyai pandangan yang berbeza dengan kumpulan intentionalists mengenai kepimpinan Hitler dan struktur pentadbiran Nazi Jerman. Empayar ketiga, menurut functionalists, bukanlah merupakan sebuah regim totalitarian yang dikordinasikan secara terancang tetapi lebih merupakan sebuah negara polis. Hitler bukanlah seorang pemimpin yang kuat sebagaimana yang dipersetujui tetapi seorang diktator lemah yang menyerahkan kebanyakan perkara kepada subordinatnya. Terdapat persaingan kuasa antara individu dan juga antara institusi untuk kuasa dan pengaruh. Dalam aspek kaum Yahudi, pegawai parti Nazi peringkat tempatan dan negeri membuat penambahbaikan terhadap polisi anti-Yahudi yang tidak teratur. Semua institusi dan pegawai berfungsi secara bersama. Oleh itu, functionalists atau structuralists memberi penekanan kepada struktur Nazi Jerman dan bukannya Hitler dan ideologinya.⁷⁰

Holocaust bermula pada 1941, iaitu 8 tahun selepas parti Nazi mendapat kuasa politik. Sekiranya Hitler berniat dari awal lagi untuk melaksanakan pembunuhan besar-besaran, mengapa Hitler menunggu begitu lama dan membenarkan ramai orang Yahudi berhijrah melalui emigrasi?⁷¹ Aliran functionalists melihat pelaksanaan Penyelesaian Terakhir sebagai akibat daripada dan reaksi terhadap, satu set kondisi, khususnya keadaan dalaman Jerman, yang mempengaruhi ideologi Hitler. Tanggungjawab itu tidak hanya terletak pada Hitler, Himmler, Heydrich, SS, dan aktivis Pejabat Luar Negara, atau dengan ideologi, propaganda anti-semitisme, dan tradisi authoritarianisme Jerman. Struktur sistem politik Nazi yang huru-hara dan bergantungannya terhadap jentera birokrasi yang bersaing juga harus dipersalahkan.⁷²

Hans Mommsen, sejarawan Jerman aliran structuralists, menegaskan bahawa pelaksanaan “Penyelesaian Terakhir” tidak dapat dipertanggungjawabkan kepada Hitler ataupun peranan ideologi dalam budaya politik Jerman. Penjelasannya perlu dicari dalam aspek proses pembuatan keputusan yang tidak tersusun dalam *Third Reich*, yang membawa kepada campur tangan ahli birokratik dalam keputusan yang menjurus ke arah radikalisasi. Tidak terdapat rekod perintah Hitler secara bertulis atau lisan untuk “Penyelesaian Terakhir”.⁷³ Mommsen menekankan bahawa pemahaman tentang perjalanan yang kompleks ke Auschwitz perlu mengambil kira analisis proses transformasi matlamat ideologi jangka panjang ke dalam strategi politik yang sebenar. Langkah-langkah ini telah ditafsirkan sebagai berdasarkan kehendak diktator yang konsisten; tetapi sebenarnya mereka berpunca dari pelbagai inisiatif kumpulan-kumpulan yang kepentingan dalam bidang politik dan pelaksana peringkat rendah di Empayar Ketiga Jerman. Hujah bahawa idea Hitler untuk membunuh orang-orang Yahudi tidak memadai untuk memulakan dan mengaturkan proses penghapusan. Apa

yang diperlukan untuk merealisasikan idea Hitler ini adalah penglibatan beberapa elit Jerman untuk kepentingan mereka sendiri dan keinginan dari semua peringkat rendah birokrat yang pada dasarnya tidak diinspirasi oleh ideologi.⁷⁴

Karl Schleunes dalam karyanya “The Twisted Road to Auschwitz” mengambil pendekatan structuralists. Schleunes menegaskan bahawa polisi ke arah pembunuhan di kem-kem pembunuhan di Auschwitz adalah satu “jalan yang berliku-liku”. Polisi orang Yahudi antara 1933-1938 adalah tidak konsisten. Ideologi Hitler membekalkan arah tuju dan objektif kepada persoalan orang Yahudi tanpa memerlukan Hitler untuk bertindak sendiri. Ia telah memandu arah tuju polisi kepada satu usaha untuk menyelesaikan masalah itu melalui pemboikotan ekonomi, perundangan, Aryanisasi dan emigrasi. Walaupun tanggungjawab Hitler moral tidak boleh dipertikaikan, pelaksanaan ideologi yang konsisten bukan merupakan satu hasil yang dirancang.⁷⁵ Perjalanan ke Holocaust adalah proses yang tidak teratur dan terputus-putus yang dicetuskan oleh keadaan tempatan, dan sentiasa dibuat untuk memenuhi keputusan untuk menangani masalah masa ini.⁷⁶

Kajian oleh Götz Aly meletakkan Holocaust dalam konteks ekonomi; penempatan semula penduduk, pengeksploitasian ekonomi, dan pembunuhan besar-besaran dilaksanakan demi keperluan untuk ruang hidup (*Lebensraum*). Holocaust tidak dapat dikaji secara berasingan daripada dasar-dasar Nazi lain yang ditujukan kepada penyusunan demografi Eropah Timur dan Rusia Barat yang menjadi asas bagi *Lebensraum* Jerman yang baru. Hujah ekonomi ini memberikan satu konteks yang lebih luas untuk Holocaust dan kontekstualisasikan seluruh usaha Nazi dalam kerangka sejarah yang lebih luas pada abad kedua puluh.⁷⁷ Bertitik tolak daripada kepentingan faktor ekonomi, Aly menunjukkan rancangan Empat Tahun direka untuk meningkatkan pengeluaran dalam bidang ekonomi yang strategik. Antara 1938 dan 1942, program untuk penyusunan sosio-politik dan ekonomi Eropah telah dibangunkan dan ditukar menjadi dasar dan strategi ketenteraan Jerman. Konsep ekonomi “Penyelesaian Terakhir” telah dibangunkan oleh pakar-pakar Jerman melalui pelbagai jawatankuasa agensi-agensinya untuk membincangkan penyelesaian kepada pelbagai persoalan demografi.⁷⁸

Faktor rasional ekonomi berserta dengan ideologi perkauman adalah saling berkaitan dalam menjelaskan Holocaust. Sasaran polisi Jerman yang lebih luas semasa perang bukanlah bermotivasikan ideologi, tetapi bermotivasikan ekonomi untuk penempatan semula penduduk yang akan memberi manfaat kepada etnik Jerman. Dalam pendekatan structural-functionalists, orang Yahudi tidak lagi dipaparkan sebagai mangsa utama dasar perkauman Nazi. Cita-cita utopia biologi Nazi menuntut penghapusan banyak kumpulan bukan-Aryan dan “pembersihan eugenik” menyeluruh penduduk Jerman sendiri. Cita-cita radikal Nazi itu adalah menyeluruh merangkumi bangsa Aryan dan bukan Aryan.⁷⁹

Richard Breitman pula mengaitkan Heinrich Himmler, pemimpin SS (*Schutzstaffel*) sebagai arkitek peristiwa Holocaust. SS merupakan organisasi elit paling berkuasa di Jerman yang mempunyai kawalan penuh ke atas polis, perisikan, pengawasan dan kem-kem pembunuhan.⁸⁰ Keganasan sistematik dikaitkan dengan kepopularan SS di bawah kepimpinan Himmler. Pada 1936, Hitler memberikan kebenaran untuk SS untuk mengukuhkan kuasanya sebagai sebuah badan yang berasingan. Himmler memainkan peranan penting selepas polis seluruh Jerman dipusatkan dan institusi polis Empayar Jerman diambilalih oleh SS. Beliau dilantik sebagai pemimpin SS dan ketua polis Jerman dalam Kementerian Dalam Negeri. Penyatuan organisasi elit SS dan pasukan polis di bawah Himmler telah mentransformasikan birokrasi Jerman menjadi satu instrument kepada pelaksanaan perang dan radikalisasi.⁸¹

Menurut functionalists, Hitler membiarkan sahaja ahli-ahli burokratik dan ahli parti Nazi untuk menentukan arah tuju polisi anti-Yahudi. Peristiwa Holocaust mengambil hala tuju dengan sendirinya tanpa ada seorang pun yang membuat keputusan secara konsisten. Dasar anti-semitisme Hitler dari semasa ke semasa hanya merespon kepada tekanan dari bawahan. Misalnya diktator itu mengarahkan boikot perniagaan Yahudi pada 1 April 1933 atas permintaan aktivis Nazi dan ahli SS. Sekali lagi pada September 1935, Hitler menyahut seruan ahli radikal Nazi untuk tindakan lanjutan melalui pelaksanaan Undang-undang Nuremberg. Begitu juga dengan peristiwa “Malam Pecah Kaca” di mana Hitler didesak oleh pegawainya untuk menggunakan peristiwa pembunuhan diplomat Jerman di Paris oleh seorang pemuda Yahudi sebagai satu alasan untuk bertindak keras.⁸²

Menurut functionalists, matlamat regim Nazi untuk menghalau orang Yahudi daripada negara Jerman adalah jauh berbeza daripada matlamat penghapusan kaum. Sejarahwan functionalists mengemukakan beberapa hujah. Hujah pertama, Nazi menggalakkan mereka untuk meninggalkan Jerman sebelum Perang Dunia Kedua bermula. Jerman menggalakkan mereka berhijrah ke Palestin dengan menandatangani Perjanjian Haavara dengan agensi Yahudi pada 1933. Ini seterusnya membolehkan 60,000 Yahudi berhijrah ke Palestin. Hujah kedua, Jerman melancarkan propaganda mengkritik negara barat yang tidak membuka pintu negara dengan lebih luas dan mengenakan kuota kemasukan kepada pelarian orang Yahudi dan pada masa yang sama bersimpati dengan nasib Yahudi. Hujah ketiga, Jerman menubuhkan satu pejabat pusat untuk emigrasi Yahudi pada 1939 untuk mengkordinasikan segala urusan penghijrahan. Menurut functionalists, segala usaha ini tidaklah perlu sekiranya Hitler sudah memutuskan untuk penghapusan ethnik. Tidaklah logik untuk Hitler mengumpulkan mereka semula (selepas memaksa mereka berhijrah) untuk penghapusan.⁸³

Selain itu, rancangan Hitler untuk penempatan semula orang Yahudi di Madagascar, Siberia, atau kawasan simpanan di Nisko, atau Lublin membuktikan niat Hitler bukan bermotifkan pembunuhan. Hitler dilihat bersungguh-sungguh untuk memindahkan orang Yahudi ke luar Jerman. Istilah “Penyelesaian” yang digunakan dalam dokumen kerajaan diinterpretasikan oleh kumpulan functionalists sebagai rancangan “penempatan semula.” Pengumpulan orang Yahudi di ghetto dan kem buruh sebelum 1941 dilihat sebagai mempermudah pemindahan nanti, bukannya pembunuhan.⁸⁴ Polisi penempatan semula ini hanya berubah hala apabila perang tercetus. Penghapusan Yahudi adalah satu titik tolak yang berbeza dengan polisi Nazi sebelumnya, bukan satu kesinambungan. Persoalannya, mengapa dasar Yahudi berubah dengan mendadak dan radikal semasa perang? Keputusan pelaksanaan “Penyelesaian Terakhir” sebenarnya bergantung kepada faktor keadaan semasa.⁸⁵

Selepas rancangan emigrasi untuk orang Yahudi tidak berjaya, Nazi melihat kepada pembentukan satu penempatan Yahudi di Poland. Keputusan penghapusan ethnik dilakukan oleh pegawai Nazi tempatan di Poland yang berhadapan dengan keadaan tempatan yang semakin mendesak. Rancangan Nazi pada 1940 untuk menghantar berjuta-juta orang Yahudi ke Madagascar juga tidak berjaya akibat perang dengan Britain. Apabila Nazi tidak berjaya menakluki Soviet Union, maka rancangan penempatan semula orang Yahudi ke timur menjadi mustahil. Peperangan berterusan di timur menghalang prospek pembuangan negeri orang Yahudi ke Soviet Union. Kekurangan makanan dan penginapan semasa Perang Dunia Kedua meningkatkan tekanan untuk mencari penyelesaian kepada persoalan orang Yahudi. Mengikut aliran functionalists, “Penyelesaian Terakhir” dibentuk selepas kegagalan Nazi untuk mencari penyelesaian lain. Holocaust merupakan satu-satunya penyelesaian yang konsisten dengan kepercayaan Nazi bahawa orang Yahudi membahayakan Empayar Jerman.⁸⁶

Hujah functionalists turut mempunyai kritikan dan kelemahannya. Peranan Hitler tidak boleh dinafikan sepenuhnya. Sikap anti-semitisme Hitler mewujudkan satu iklim politik yang sesuai untuk pengradikalan polisi anti-Yahudi. Pemimpin-pemimpin parti dan pegawai negeri bersaing mendapatkan perhatian Hitler dengan mencadangkan langkah-langkah anti-Yahudi yang lebih radikal. Sebaik sahaja perang dengan Soviet Union gagal dan dasar pembuangan negeri menemui jalan buntu, satu-satunya cara penyelesaian alternatif ialah pembunuhan. Tanpa Hitler, kesemua ini tidak akan berlaku.⁸⁷

Aliran Pemikiran Baru: *Moderate Intentionalism* dan *Moderate Functionalism*

Sumbangan kedua-dua aliran intentionalists dan functionalists tidak boleh dipertikaikan walaupun terdapat kelemahan masing-masing. Intentionalism dan functionalism merupakan dua aliran interpretasi yang mendominasi historiografi Holocaust sejak 1970an. Kedua-dua aliran ini masih kekal dalam historiografi semasa Holocaust. Kesignifikan mereka terletak pada kerelevan masing-masing dalam menjelaskan peristiwa sejarah; motif (agensi) dan proses (masa dan konteks). Semua penjelasan sejarah perlulah merangkumi motif dan proses. Setiap aliran menyumbang aspek yang berbeza. Kerangka intentionalism-functionalism merangkumi elemen asas sejarah iaitu konteks, ideologi, proses dan motif. Pada 1980an, sejarawan mula melihat kepada satu bentuk pendekatan sintesis yang menggabungkan elemen kedua-dua aliran pemikiran. Saul Friedländer dan Christopher Browning mengemukakan pendekatan tengah dalam perdebatan Holocaust iaitu “moderate intentionalism” dan “moderate functionalism”.⁸⁸

Saul Friedländer menunjukkan bahawa kedua-dua aliran ini tidak semestinya saling bercanggah. Melalui aliran yang baru “moderate intentionalism” yang diperkenalkannya, Friedländer menerima hujah functionalists mengenai aspek mekanisme pembuatan keputusan dan organisasi “Penyelesaian Terakhir”, sementara pada masa yang sama mengakui peranan anti-semitisme dan Hitler dalam menyediakan asas dan impetus untuk Holocaust.⁸⁹ Bagi Friedländer, percanggahan yang jelas antara kedua-dua aliran pemikiran “tradisional” dan tafsiran “baru” dapat memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai Holocaust apabila disintesis menjadi satu penjelasan yang menyeluruh.⁹⁰

Christopher Browning telah mengemukakan satu aliran baru “moderate functionalism”. Browning bersetuju dengan functionalists bahawa Holocaust berlaku hasil daripada inisiatif tempatan oleh pegawai SS peringkat bawah hierarki Nazi yang mengeksploitasi buruh Yahudi untuk tujuan mereka sendiri. Tetapi para pegawai berkenaan hanya beralih ke cara pembunuhan apabila diarahkan untuk berbuat demikian “dari atas”. Tafsiran ini tidak menafikan peranan pegawai tempatan dalam pelaksanaan dasar eksploitasi, ia juga membabitkan pihak tertinggi rejim Nazi sebagai bertanggungjawab secara langsung terhadap keputusan muktamad mengenai pembunuhan beramai-ramai.⁹¹ Hitler tidak membuat keputusan untuk “Penyelesaian Terakhir” sebagai rancangan jangka panjang tetapi Hitler membuat beberapa siri keputusan pada 1941 yang memerintah pembunuhan orang Yahudi Eropah. Titik perubahan berlaku apabila perasaan kemenangan perang mengukuhkan rancangan untuk meluaskan proses pembunuhan yang telahpun bermula di Rusia kepada populasi orang Yahudi di Eropah.⁹² Pada 1940 lagi, autoriti tempatan mencadangkan langkah kebuluran untuk orang Yahudi yang ditempatkan di Poland tetapi tidak menerima sokongan dari kerajaan. Ini menunjukkan hanya arahan atasan yang mampu mengubah peristiwa tersebut. Browning tidak menerima hujah “cumulative radicalization” sebagai penjelasan kerana campur tangan pihak atasan adalah lebih autoritatif.⁹³

Kesimpulan

Interpretasi Holocaust mempunyai implikasi penting kerana ia berkaitan dengan tanggungjawab moral dan ruang lingkup mangsa. Aliran functionalists meluaskan tanggungjawab Holocaust kepada pegawai peringkat bawahan, meluaskan skop untuk meliputi orang bukan-Aryan di dalam dan luar negara Jerman. Dalam mencari kerangka interpretasi, adalah penting untuk menekankan “proses sejarah” apabila rejim Nazi mencari penyelesaian kepada “persoalan orang Yahudi”. Kerangka interpretasi yang lebih menyeluruh perlu merangkumi pelbagai faktor seperti peranan dinamik pentadbiran, institusi dan proses pembuatan keputusan dalam sistem kerajaan Nazi. Bagi sejarawan yang mengambil pendekatan tengah, perdebatan historiografi Holocaust perlu dikontekstualisasikan dalam keadaan dalaman Jerman, konteks perang di luar negeri dan kepercayaan anti-semitisme jangka panjang yang membuka jalan kepada radikalisasi polisi Nazi. Proses radikalisasi dalam mencari penyelesaian kepada persoalan Yahudi melalui program penempatan semula dan pembersihan etnik menemui kegagalan selepas percubaan untuk mengalahkan Soviet Union pada tahun 1941. Faktor ideologi dan Hitlerism menyediakan landasan ke arah Holocaust, yang kemudiannya mengambil hala tuju sendiri.

Nota

*Dr. Low Choo Chin merupakan Pensyarah di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana daripada USM dan Ijazah Kedoktoran daripada University of Melbourne. Fokus kajian ialah migrasi, dwikerakyatan, dan diaspora.

- ¹ Alan Rosenberg, “Was the Holocaust unique? A Peculiar Question?”, in Isidor Wallimann and Michael N. Dobkowski (eds.), *Genocide and the Modern Age: Etiology and Case Studies of Mass Death*, New York: Syracuse University Press, 2000, pp. 151-152.
- ² Rosenberg, “Was the Holocaust unique?”, p. 156.
- ³ Ian Kershaw, *The Nazi Dictatorship: Problems and Perspectives of Interpretation*, 3rd ed., London: Bloomsbury, 1993, lihat bab 5.
- ⁴ Roderick Stackelberg, *The Routledge Companion to Nazi Germany*, New York: Routledge, 2007, p. 153.
- ⁵ A. Dirk Moses, “Structure and agency in the Holocaust: Daniel J. Goldhagen and his critics”, *History and Theory* 37, no. 2 (1998), pp. 199-200.
- ⁶ Donald Bloxtam and Tony Kushner, *The Holocaust: Critical Historical Approaches*, Manchester: Manchester University Press, 2005, p. 64.
- ⁷ *Ibid.*, p. 61.
- ⁸ *Ibid.*, p. 113.
- ⁹ Peter Longerich, *Holocaust: The Nazi Persecution and Murder of the Jews*, Oxford: Oxford University Press, 2010, p. 30.
- ¹⁰ Michael Burleigh, *The Racial State: Germany 1933-1945*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999, p. 42.
- ¹¹ Doris L. Bergen, *War and Genocide: A Concise History of the Holocaust*, Lanham: Rowman & Littlefield, 2009, pp. 37-38.
- ¹² Bergen, *War and Genocide*, p. 47.
- ¹³ *Ibid.*, p. 39.
- ¹⁴ Longerich, *Holocaust*, pp. 30-31.
- ¹⁵ Stackelberg, *The Routledge Companion to Nazi Germany*, p. 154.
- ¹⁶ Bergen, *War and Genocide*, p. 36.
- ¹⁷ Jack R. Fischel, *The Holocaust*, Westport: Greenwood Press, 1998, p. xxxv.
- ¹⁸ Berel Lang, *The Future of the Holocaust: Between History and Memory*, New York: Cornell University Press, 1999, p. 9.

- ¹⁹ Yehuda Bauer, *The Holocaust in Historical Perspective*, Canberra: Australian National University Press, 1978, pp. 33-34.
- ²⁰ Fischel, *The Holocaust*, p. xxxvi.
- ²¹ Donald L. Niewyk dan Francis Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, New York: Columbia University Press, 2000, pp. 45-46.
- ²² Bauer, *The Holocaust in Historical Perspective*, pp. 30-32.
- ²³ *Ibid.*, pp. 35-36.
- ²⁴ *Ibid.*, p. 38.
- ²⁵ Michael Berenbaum, "The Holocaust", in Samuel Totten (ed), *Teaching About Genocide: Issues, Approaches, and Resources*, Greenwich: Information Age Publishing, 2004, p. 119.
- ²⁶ Burleigh, *The Racial State*, p. 46.
- ²⁷ Longerich, *Holocaust*, pp. 46-48.
- ²⁸ Berel Lang, *Post-Holocaust: Interpretation, Misinterpretation and the Claims of History*, Bloomington: Indiana University Press, 2005, pp. 6-7.
- ²⁹ Niewyk dan Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, p. 10.
- ³⁰ Longerich, *Holocaust*, pp. 49-51.
- ³¹ Niewyk dan Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, pp. 47-51.
- ³² Longerich, *Holocaust*, p. 33.
- ³³ *Ibid.*, p. 36.
- ³⁴ *Ibid.*, p. 41.
- ³⁵ Longerich, *Holocaust*, pp. 38-39.
- ³⁶ Stackelberg, *The Routledge Companion to Nazi Germany*, p. 155.
- ³⁷ Burleigh dan Wippermann, *The Racial State*, p. 82.
- ³⁸ *Ibid.*, p. 45.
- ³⁹ Bergen, *War and Genocide*, p. 72.
- ⁴⁰ Fischel, *The Holocaust*, pp. 23-24.
- ⁴¹ Peter Hayes, "Aryanisation", in Richard S. Levy (ed.), *Anti-Semitism: A Historical Encyclopedia of Prejudice and Persecution*, California: ABC-CLIO, 2005, p. 41.
- ⁴² *Ibid.*, p. 42.
- ⁴³ *Ibid.*
- ⁴⁴ Niewyk dan Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, p. 7.
- ⁴⁵ Fischel, *The Holocaust*, p. 26.
- ⁴⁶ Hayes, "Aryanisation", pp. 42-43.
- ⁴⁷ Fischel, *The Holocaust*, pp. 26-27.
- ⁴⁸ *Ibid.*, pp. 28-29.
- ⁴⁹ Niewyk dan Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, pp. 11-12.
- ⁵⁰ Martin Dean, "The Development and Implementation of Nazi Denaturalization and Confiscation Policy up to the Eleventh Decree to the Reich Citizenship Law," *Holocaust and Genocide Studies* 16, no. 2 (2002), p. 231.
- ⁵¹ Niewyk dan Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, p. 9.
- ⁵² *Ibid.*, p. 13.
- ⁵³ *Ibid.*, p. 14.
- ⁵⁴ *Ibid.*, pp. 14-15.
- ⁵⁵ *Ibid.*, pp. 17-18.
- ⁵⁶ *Ibid.*, p. 19.
- ⁵⁷ *Ibid.*, p. 20.
- ⁵⁸ *Ibid.*
- ⁵⁹ Stackelberg, *The Routledge Companion to Nazi Germany*, p. 161.
- ⁶⁰ *Ibid.*, p. 163.
- ⁶¹ Kershaw, *The Nazi Dictatorship*, pp. 95-96.
- ⁶² Niewyk dan Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, pp. 72-73.
- ⁶³ *Ibid.*, pp. 73-74.
- ⁶⁴ Bergen, *War and Genocide*, p. 30.
- ⁶⁵ Moses, "Structure and agency in the Holocaust", pp. 199-200.
- ⁶⁶ Henry L. Mason, "Implementing the Final Solution: The Ordinary Regulating of the Extraordinary", *World Politics* 40, no. 4 (1988), pp. 545-46.
- ⁶⁷ Niewyk dan Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, p.74.
- ⁶⁸ Kershaw, *The Nazi Dictatorship*, pp. 103-104.
- ⁶⁹ *Ibid.*, p. 96.
- ⁷⁰ Niewyk dan Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, p. 74.

- ⁷¹ Ibid., p. 71.
- ⁷² Mason, "Implementing the Final Solution 1988", p. 545.
- ⁷³ Kershaw, *The Nazi Dictatorship*, pp. 98-99.
- ⁷⁴ Mason, "Implementing the Final Solution 1988", p. 545.
- ⁷⁵ Karl A. Schleunes, *The Twisted Road to Auschwitz: Nazi Policy Toward German Jews, 1933-1939*, Urbana: University of Illinois Press, 1970, pp. 101 -102.
- ⁷⁶ Alon Confino, "A World without Jews: Interpreting the Holocaust", *German History* 27, no. 4 (2009), pp. 535-536.
- ⁷⁷ Omer Bartov, "Introduction", in Omer Bartov (ed.), *The Holocaust: Origins, Implementation, Aftermath*, London: Routledge, 2000, p. 6.
- ⁷⁸ Götz Aly, "The Planning Intelligentsia and the Final Solution", in Omer Bartov (ed.), *The Holocaust: Origins, Implementation, Aftermath*, London: Routledge, 2002, p. 94.
- ⁷⁹ Moses, "Structure and agency in the Holocaust", pp. 207-208.
- ⁸⁰ Richard Breitman, *The Architect of Genocide: Himmler and the Final Solution*, London: The Bodley Head, 1991, lihat bab 1.
- ⁸¹ Norbert Frei, *National Socialist Rule in Germany: The Führer State, 1933-1945*, translated by Simon B. Steyne, Oxford: Basil Blackwell Ltd, 1993, pp. 99-102.
- ⁸² Niewyk dan Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, pp. 75-76.
- ⁸³ Ibid., p. 76.
- ⁸⁴ Ibid.
- ⁸⁵ Ibid.
- ⁸⁶ Breitman, *The Architect of Genocide*, pp. 22-23.
- ⁸⁷ Niewyk dan Nicosia, *The Columbia Guide to the Holocaust*, p. 77.
- ⁸⁸ Alan Confino, *Foundational Pasts: The Holocaust as Historical Understanding*, Cambridge: Cambridge University Press, 2012, pp. 42-43,
- ⁸⁹ Bartov, "Introduction", p. 4.
- ⁹⁰ Saul Friedländer, "The Extermination of the European Jews in Historiography: Fifty Years Later", in Omer Bartov (ed.), *The Holocaust: Origins, Implementation, Aftermath*, London: Routledge, 2000, pp. 79-80.
- ⁹¹ Bartov, "Introduction", p. 5.
- ⁹² Christopher R. Browning, *The Path to Genocide: Essays on Launching the Final Solution*, Cambridge: Cambridge University Press, 1992, p. 88.
- ⁹³ Ibid., pp. 89-90.